



TOK JANGGUT

PENGENALAN

TOK JANGGUT

Nama sebenar beliau ialah Haji Mat Hassan Bin Munas, namun beliau lebih dikenali sebagai Tok Janggut kerana memelihara janggut hingga ke paras dada. Tok Janggut dilahirkan pada tahun 1853 di Kampung Nering, Kelantan dan bekerja sebagai seorang petani.

Tok Janggut mendapat pendidikan awal di negeri Kelantan dan seterusnya melanjutkan pengajian di Mekah. Beliau mahir dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah ilmu persilatan.

LATAR BELAKANG

Susur Galur Tok Janggut

Tok Janggut dikatakan ada pertalian dengan Sultan Muhammad IV dimana bonda baginda diriwayatkan adalah adik-beradik ayah atau ibu Tok Janggut. Ada riwayat menyatakan bahawa beliau adalah anak murid Tok Ku Paloh.

Biodata Tok Janggut

- Nama Penuh: Haji Mat Hassan Bin Munas
- Nama Gelaran: Tok Janggut
- Tarikh Kelahiran: 1853
- Tempat Lahir: Kampung Saring, Daerah Jeram, Kelantan
- Tarikh Kematian: 24 Mei 1915
- Pendidikan: Ilmu agama di Mekah
- Kemahiran: Bersilat

GAMBAR TOK JANGGUT



GAMBAR TOK JANGGUT



Peraturan tanah

- Peraturan cukai yang mewajibkan petani membayar cukai ditentang oleh Tok Janggut.

Perasaan Anti-British

- Selepas kerajaan Turki Uthmaniyyah diserang oleh British pada Perang Dunia Pertama, umat Islam telah diseru agar berjihad menentang Barat oleh Kerajaan Turki.
- Seruan tersebut telah disahut oleh Tok Janggut di Pasir Puteh.

FAKTOR PENENTANGAN

Pengenalan cukai yang membebankan

- Cukai pokok kelapa, pokok pisang, sirih, kerbau dan lembu perlu dibayar oleh petani.

Pembayaran cukai yang menyusahkan

- Pejabat bayaran cukai yang terletak jauh ke bandar telah membebankan penduduk tempatan untuk membayar cukai.
- Pegawai British akan menangkap dan mendenda sesiapa yang gagal. Ini menimbulkan kemarahan rakyat tempatan.

FAKTOR PENENTANGAN

FAKTOR KEBANGKITAN

Kemunculan Tok Janggut dan beberapa pembesar Melayu seperti Engku Besar (Raja atau pemerintah Jeram), Che Sahak dan Haji Said yang telah mengepalai gerakan ini telah membangkitkan semangat rakyat untuk turut sama menentang pentadbiran baru kerajaan itu. Setengah daripada pejuang-pejuang Melayu ini menganggap penentangan ini adalah sebagai perang menentang pihak kafir (perang sabit).

FAKTOR KEBANGKITAN

Dengan semangat ini orang-orang Melayu telah menentang pihak British yang dibantu oleh Pasukan Polis yang kebanyakannya datang dari Singapura. Walaupun pejuang-pejuang Melayu tidak mempunyai peralatan perang yang moden dan lengkap, tetapi mereka telah menentang dengan beraninya sehingga ketitisan darah terakhir.

Penentangan ini berlarutan sehingga akhir bulan Jun 1915 apabila pihak British dikatakan berjaya membunuh Tok Janggut dan beberapa orang pengikutnya. Engku Besar, Haji Said, Encik Ishak dan beberapa orang lagi telah lari ke Reman, Negeri Siam.

FAKTOR KEBANGKITAN

Oleh kerana Tok Janggut menjadi ketua perjuangan yang ramai pengikut, British telah bertindak dengan membunuh Tok Janggut dan berarak di sekitar Pasir Putih dengan mayatnya yang digantung secara sonsang. Walaupun usahanya menentang dan mengusir penjajah dari bumi yang belum merdeka itu tidak kesampaian, semangat cintakan agama, bangsa dan tanah air yang tertanam kukuh di jiwa wira itu masih kekal disanjung sehingga kini.



Perpustakaan Laman Hikmah
"Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan"

Setelah berhadapan dengan kebangkitan Tok Janggut menentang pelaksanaan Peraturan Tanah Baru, pihak pentadbir mengambil langkah lebih berhati-hati. Walaupun kebangkitan ini ditumpaskan dan Tok Janggut terkorban, akan tetapi penasihat British yang menggantikan W. Langham-Carter terpaksa lebih menumpukan perhatian kepada pemodenan yang lebih umum. Hal ini kerana kegiatan huru-hara seperti itu walaupun kecil telah menimbulkan kesulitan kepada kerajaan dan sedikit sebanyak menjejaskan imej pentadbir-pentadbir mereka.

RUMUSAN

Justeru, untuk mengelak daripada timbulnya perasaan tidak puas hati dan penentangan rakyat, langkah-langkah pembaharuan dalam melaksanakan pentadbiran tanah yang lebih berkesan telah diambil. Pihak British juga berharap agar langkah pembaharuan ini dapat memperkukuhkan lagi kedudukan mereka di Kelantan. Dengan itu akan melancarkan perjalanan sistem pentadbiran tanah. Kelantan juga cuba ditadbir secara longgar dan dibiarkan dengan lenggoknya sendiri. Maknanya corak pentadbiran lebih cenderung mempertahankan ciri ketradisionalan negeri itu.

RUMUSAN

Bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa apabila British masuk, perkara pertama yang dilakukan adalah membuat perubahan ke atas sistem yang sedia ada. Perubahan ini tentunya mengundang reaksi dari masyarakat, misalnya kebangkitan Tok Janggut. Justeru, pihak penjajah British mulai sedar betapa perlunya sikap berhati-hati serta kerjasama golongan elit tradisional demi menjayakan dasarnya di negeri-negeri Melayu. Maknanya apabila British masuk mereka sudahpun merancang untuk membuat pembaharuan terutama dalam pentadbiran tanah. Jadi, kebangkitan Tok Janggut menentang peraturan baru itu menjadi pemangkin yang mempercepatkan lagi hasrat British untuk melaksanakan apa yang telah dirancang.

RUMUSAN

SUMBER

- <https://www.scribd.com/document/479888519/LATAR-BELAKANG-Tok-Janggut>
- <https://www.scribd.com/doc/311793588/TOKOH-KEBANGGAAN-KELANTAN>
- <https://pustakadaruliman.com.my/tokoh-melayu-siapa-tok-janggut/>
- <https://encr.pw/WcCW3>
- <https://anyflip.com/toibk/jdcj>



MAKAM PAHLAWAN TOK JANGGUT

TAMAT